

10 OCT 1996

Mahathir-Politik Wang (Analisis Berita)
APA ITU POLITIK WANG DALAM UMNO

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerap bercakap mengenai bahaya gejala politik wang dalam Umno tetapi buat kali pertamanya hari ini beliau menghuraikan sejelas-jelasnya apakah politik wang yang kata beliau akan menghancurkan Umno dan negara jika tidak dihapuskan.

Ucapannya mengenai politik wang ketika merasmikan Perhimpunan Agung parti itu di sini sungguh keras, tajam, berterus-terang, dan seperti kata seorang veteran Umno Tan Sri Ghazali Shafie, hanya mampu diucapkan oleh Dr Mahathir sendiri.

Ucapan yang menusuk hati nurani perwakilan dan bercorak "mereka yang makan cili akan terasa pedasnya" itu disifatkan oleh pemerhati sebagai mungkin yang terbaik pernah disampaikan dalam 15 tahun sebagai Presiden Umno.

Menurut Dr Mahathir, mereka yang menggunakan wang dalam kempen untuk jawatan parti mendapatkannya secara tidak halal dengan mengeluarkan lesen, AP, saham, memberi tender atau kontrak kepada penyokong mereka.

Dengan kata lain, kebanyakan yang melakukan rasuah politik ini adalah yang mempunyai kuasa.

Terus-terang beliau berkata pendapatan sebagai Perdana Menteri, Menteri atau pemegang jawatan-jawatan tertentu dalam kerajaan persekutuan atau negeri, hanya cukup untuk hidup sederhana, tanpa mampu untuk menggunakan wang mereka sendiri untuk tujuan sogokan membeli undi.

Salah satu punca utama berlakunya rasuah politik ialah pada hari ini, kos pemilihan anggota Majlis Tertinggi Umno sudah meningkat dengan negeri-negeri terpaksa mengikut trend untuk menempatkan perwakilan ke Perhimpunan Agung di hotel terkemuka di ibu negara.

"Kemudian taraf hotel untuk perwakilan terpaksa dinaikkan kepada lima bintang, tidak boleh kurang daripaa itu jika ingin mendapat sokongan," katanya.

Ini jelas terbukti kerana semua hotel lima bintang di sini telah habis ditempah sepanjang musim perhimpunan dengan kebanyakan tetamu hotel dikatakan anggota Umno.

Dr Mahathir bertanya: "Di manakah datangnya wang yang begitu banyak. Mungkin derma kepada parti. Tetapi bolehkah wang parti digunakan untuk mempopularkan orang tertentu?"

Satu lagi amalan ialah dengan menyogok wang dan hadiah kepada para wakil. Perlumbaan diadakan antara calon-calon dan sogokan akan meningkat nilainya.

Sebenarnya, proses menyogok bermula lebih awal, setahun atau lebih sebelum pemilihan.

Oleh kerana sokongan berdasarkan nilai rasuah yang sanggup dihulur, prestasi kerja atau kebolehan langsung tidak diambil kira dalam pemilihan.

Calon-calon yang kaya ini bukan sahaja menanggung kos perjalanan para wakil dan sewa bilik hotel lima bintang, lawatan ke luar negeri juga diatur atau dijanjikan, kata Perdana Menteri.

Kalau dahulu para penyokong disogokkan dengan lawatan hanya ke negara jiran, tetapi hari ini rombongan ke Eropah dan Amerika juga perlu dibiayai untuk menjamin kesetiaan.

Oleh kerana wakil ke Perhimpunan Agung mendapat banyak faedah, pertandingan pada pemilihan parti menjadi sengit.

Kakitangan perkhidmatan awam juga tidak terkecuali. Ini berlaku kerana

kakitangan kerajaan yang sedar akan rasuah politik yang berlaku akan mengugut supaya mereka juga disogok.

Dr Mahathir berkata semua urusan kerajaan tidak akan berjalan dengan lancar dan semua kos akan meningkat dan tidak ada sesuatu yang akan dikecualikan daripada rasuah.

Misalnya, lesen, AP, kelulusan, semuanya memerlukan sogokan manakala urusan dengan swasta seperti dengan bank, turut memerlukan bayaran tertentu untuk mereka yang meluluskan.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa oleh kerana rasuah tiada hadnya, akhirnya pelabur akan lari, peluang kerja tidak bertambah, malah merosot, kemiskinan merebak dan ekonomi terjejas akibat segala-segalanya akan tertangguh dan lambat.

Ghazali yang pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam kerajaan dan politik termasuk Menteri Dalam Negeri dan Menteri Luar, dalam reaksinya kepada ucapan Dr Mahathir hari ini berkata beliau sendiri telah dahulu lagi menjangka Malaysia akan dilanda gejala politik wang ekoran limpahan ekonomi yang dinikmati negara.

"Dr Mahathir telah mengatakannya dengan baik dan hanya beliau yang boleh mengatakan apa yang dikatakannya itu," katanya selepas menghadiri upacara perasmian perhimpunan itu.

Seorang penyokong kepada seorang calon pada pemilihan kali ini berkata bahawa beliau sepatutnya ditugaskan oleh calon itu untuk mengagihkan wang tunai berjumlah RM1.3 juta bagi memancing undi pada malam sebelum pemilihan tetapi rancangan itu dibatalkan berikutan tindakan jawatankuasa khas parti menggugurkan enam calon Majlis Tertinggi (MT) pada Isnin lepas kerana didapati sama ada melanggar larangan berkempen, menyalahguna kuasa atau melakukan politik wang.

"Bayangkanlah betapa banyaknya wang diagihkan oleh calon-calon yang lebih kaya terutama mereka yang bertanding bagi jawatan yang lebih kanan," katanya.

Perasaan Dr Mahathir akan bahaya rasuah politik begitu berat sekali sehingga padai akhir ucapannya, beliau melahirkan rasa terharunya kerana terpaksa mendedahkan pekung di dada Umno sendiri.

Mungkin tidak ramai yang dapat menyelami apa yang tersirat di sebalik mesejnya yang tersurat itu, menyebabkan beliau tidak dapat meneruskan ucapannya buat beberapa ketika, sambil menitiskan air mata.

Seperti katanya: "Saya percaya benar-benar akan malapetaka yang akan menimpa kita jika kita tidak tolak mereka yang menyogok kita".

Kepada Dr Mahathir, tiada bezanya pemimpin Umno yang melakukan rasuah politik dengan penagih dadah.

"Bila sudah ketagih, maruah diri dan maruah bangsa akan dijual kepada sesiapa sahaja," katanya. -- BERNAMA

AU NMO